


# Taktik tangkap ikan di sempadan

*Modes operandi nelayan asing cuba rompak hasil laut negara berjaya dipatahkan Maritim*

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN



Rashidilhadi (kanan) dan pegawainya menunjukkan rawai yang dirampas dari salah sebuah bot yang ditahan.



Seramai 37 tekong dan awak-awak yang ditahan berusia antara 21 hingga 60 tahun.

**T**aktik terbaharu nelayan asing untuk merompak hasil laut negara dengan menangkap ikan sekitar sempadan Malaysia-Vietnam berjaya dibongkar Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) selepas penahanan enam bot nelayan Vietnam.

Pengarah Maritim Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, enam bot yang dinaiki seramai 37 tekong dan awak-awak itu didapati memasuki perairan negara ini secara serentak dan disyaki mahu menangkap sotong.

Menurutnya, kesemua bot itu

dipercayai mengubah modus operandi ekoran penguatkuasaan berterusan yang dilakukan Maritim Malaysia yang membawa kepada banyak tangkapan bot perairan Vietnam di perairan negara kebelakangan ini.

Katanya, nelayan Vietnam itu menukar modus operandi untuk memudahkan mereka meloloskan diri daripada ditahan penguat kuasa jika kehadiran mereka disedari.

"Sekarang mereka hanya berani tangkap di kawasan sempadan sahaja, namun helah licik ini

terap dapat kita patahkan selepas tertangkapnya enam bot Vietnam ini.

"Ketika mahu ditahan, keenam-enam bot berkenaan cuba melarikan diri dan selepas dua jam dikejar mereka berjaya diberkas," katanya pada sidang media di Jeti Zon Maritim Kemaman, di sini, semalam.

Rashidilhadi berkata, kesemua bot yang dinaiki tekong dan awak-awak berusia 21 hingga 60 tahun itu ditahan dalam jarak sekitar 154 hingga 160 batu nautika timur laut Kuala Kemaman,

Selasa lalu.

Menurutnya, keenam-enam bot itu ditangkap di sekitar kawasan carigali minyak negara yang berdekatan sempadan perairan Malaysia-Vietnam oleh kapal ronda KM Pekan yang dinaiki 40 kru.

"Menerusi pemeriksaan yang dibuat kita berjaya merampas sebanyak 90 kilogram (kg) ikan, 18 kg sotong kering, diesel sebanyak kira-kira 600 liter dan peralatan menangkap ikan.

"Keseluruhan hasil rampasan termasuk nilai bot dianggarkan

berjumlah RM3 juta," kata beliau.

Dalam perkembangan sama, Rashidilhadi memberitahu, sepanjang minggu ini sahaja Maritim Malaysia berjaya menahan 14 bot nelayan asing di perairan Terengganu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sehingga empat bulan pertama tahun ini pihaknya telah menjalankan sebanyak 550 pemeriksaan dan berjaya melakukan 40 tangkapan melibatkan bot nelayan asing dengan nilai rampasan berjumlah RM36 juta.